



# **PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI**

**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

**2024 - 2028**



# KANDUNGAN

## BAB 1

LATAR BELAKANG	2
MISI , VISI, MOTO	4
OBJEKTIF	5
PIAGAM PELANGGAN	6
CARTA ORGANISASI	8

## BAB 2

ISU DAN CABARAN	10
KESAN - KESAN RASUAH	11
DATA LUARAN	13
DATA DALAMAN	14

## BAB 3

VISI, MISI DAN MATLAMAT OACP MPKL	20
KERANGKA UTAMA OACP MPKL	21
BIDANG KEUTAMAAN OACP MPKL	22
INISIATIF DAN PELAN TINDAKAN OACP MPKL	23

## BAB 4

MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAPAN	43
JAWATANKUASA PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	44

# *Perutusan*

## YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Majlis Perbandaran Kuala Langat berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Perbandaran Kuala Langat 2024 - 2028. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Perbandaran Kuala Langat 2024 – 2028 adalah kesinambungan daripada pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Perbandaran Kuala Langat yang telah dilaksanakan dalam tempoh 2019 – 2023. Objektif utama pembangunan OACP ini adalah untuk meningkatkan imej Majlis Perbandaran Kuala Langat sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Perbandaran Kuala Langat 2024 -2028 ini di harap dapat dijadikan panduan kepada semua warga kerja MPKL untuk memperkuuhkan tadbir urus, integriti dan antirasuah melalui pelaksanaan tindakan preventif dan proaktif seperti yang digariskan di bawah pelan tersebut. Semoga dengan pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Perbandaran Kuala Langat 2024 - 2028 dapat memperkasakan tadbir urus organisasi dan menambahbaik mutu perkhidmatan secara keseluruhan.

Saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada semua warga MPKL, atas penyediaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Perbandaran Kuala Langat yang komprehensif. Saya berharap dengan adanya OACP ini, akan memantapkan lagi tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan MPKL. Akhir kata, saya menyeru seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Kuala Langat agar terus komited dalam memastikan pelaksanaan setiap pelan tindakan yang telah dirangka bagi menjadikan MPKL sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang berintegriti serta bebas rasuah.

DATO`AMIRUL AZIZAN BIN DATO` SRI ABDUL RAHIM, D.I.M.P

# *Ringkasan Eksekutif*

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Perbandaran Kuala Langat 2019 - 2023 merupakan dokumen yang dibangunkan dalam usaha memerangi rasuah dan menangani isu integriti serta tadbir urus seiring dengan komitmen kerajaan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023. Objektif utama pembangunan OACP ini adalah untuk meningkatkan imej Majlis Perbandaran Kuala Langat sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat daerah Kuala Langat secara khususnya. Dokumen ini dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu bahagian pengenalan, analisis, kerangka OACP dan mekanisme pelaksanaan di mana setiap bahagian ini memberi tumpuan kepada pembangunan OACP secara keseluruhannya. Penerbitan dokumen OACP ini dapat dijadikan panduan kepada semua kakitangan MPKL untuk menjadi sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang berintegriti serta bebas rasuah sekaligus dapat meningkatkan imej sebagai sebuah agensi perkhidmatan awam yang bertaraf lima bintang.

# *Bab 1*

---

# PENGENALAN

# LATAR BELAKANG

Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mentadbir Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan. Pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Langat berpusat di bandar Banting mukim Jugra. Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) adalah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berasal daripada Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) yang ditubuhkan pada 1 Januari 1977 mengikut Sek. 4, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Ditubuhkan Majlis Daerah Kuala Langat pada 1 Januari 1977 mengikut Seksyen 4 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). MPKL adalah hasil gabungan 3 majlis tempatan iaitu :

- Majlis Tempatan Sungai Jarom.
- Majlis Tempatan Tanjung Sepat.
- Lembaga Bandaran Kuala Langat.
- Sanitary Board.

## Keluasan Kawasan Pentadbiran

Awal penubuhan 3.7 batu persegi (9.6km).

2001 bertambah kepada 62.294 km persegi.

2006 bertambah kepada 857.70 km persegi termasuk 3 batu nautika.

## Jumlah Pegangan

Pada tahun 2001 jumlah pegangan ialah 30,000.

Pada tahun 2022 jumlah pegangan ialah 101,720

Dari pelbagai jenis seperti Pegangan perumahan, perdagangan, perindustrian & pertanian.

TAHUN	JUMLAH PENDUDUK
1991	46,588
2001	97,405
2011	272,893
2020	323,400



Pada 1 Mac 2020, Majlis Daerah Kuala Langat telah dinaik taraf sebagai Majlis Perbandaran Kuala Langat yang merangkumi seluruh daerah Kuala Langat.

Kuala Langat merupakan salah satu daripada sembilan daerah yang terletak di Negeri Selangor Darul Ehsan. Kedudukannya terletak di bahagian barat daya Negeri Selangor. Daerah Kuala Langat ini bersempadan dengan Daerah Sepang di sebelah timur dan selatan, Daerah Klang di utara dan di sebelah barat merupakan Selat Melaka.

Daerah Kuala Langat yang terkenal dengan khazanah dan sejarah telah mengalami peralihan dan transformasi yang pesat. Lokasi geografinya yang strategik berikutan terletak hampir dengan pembangunan utama negara iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Cyberjaya dan Pelabuhan Barat di Pulau Indah menjadikan daerah ini berpotensi untuk menjana ekonomi yang pesat dan pembangunan fizikal yang mampan.

## TERDAPAT 7 MUKIM DI DAERAH KUALA LANGAT

-TELOK PANGLIMA GARANG

-TANJUNG DUA BELAS

- BATU

- MORIB

- KELANGANG

- BANDAR

- JUGRA

# MISI, VISI, MOTO MPKL

## VISI

Kuala Langat perbandaran yang mampan, komprehensif dan berdaya saing menjelang 2025.

## MISI

Melaksanakan gugusan perbandaran yang lestari dan bertaraf global melalui jalinan kerjasama pintar bersama komuniti bagi membangunkan bandar berdaya huni.

## MOTO

Kuala Langat Indah, Harmoni dan Bestari

# OBJEKTIF

01

MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN.

02

MEMPERKUKUH DAN MEMANTAPKAN KECEKAPAN KEWANGAN BAGI MENINGKATKAN SUMBER HASIL MPKL.

03

MEMANTAPKAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT.

04

MEMPERKASA TADBIR URUS MPKL MENERUSI ADAPTASI TEKNOLOGI BAHRU

05


MEMPERGIATKAN PEMBANGUNAN FIZIKAL BANDAR YANG MAMPAH SERTA MENGUTAMAKAN PEMELIHARAAN ALAM SEMULAJADI UNTUK KESEJAHTERAAN SOSIO EKONOMI WARGA KUALA LANGAT.

06

MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN SOSIAL UNTUK MEMELIHARA KEHARMONIAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT.

# PIAGAM PELANGGAN

1. Penyediaan sumber manusia yang terlatih dan terbaik berasaskan budaya kerja cemerlang bagi memenuhi kehendak individu, masyarakat dan Negara.
2. Menguruskan kewangan dengan cekap dan telus berpandukan Arahan Perbendaharaan dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.
3. Menilai cukai taksiran dengan adil dan saksama serta menguruskan penggunaan kemudahan harta MPKL dengan cekap.
4. Mengawal segala bentuk perniagaan menerusi suatu sistem yang efisien serta melaksanakan kerja yang berkualiti, terkawal dan terjamin.
5. Merancang pembangunan yang mampan dengan mengintegrasikan pembangunan guna tanah dengan menyeimbangkan pembangunan ekonomi dengan pembangunan sosial serta pemuliharaan alam sekitar.
6. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan prasarana dan infrastruktur dengan cara yang terbaik untuk keselesaan penduduk.
7. Memastikan Pelan Bangunan Baru dan Ubah suai diproses dengan cekap dan efisien.
8. Pembangunan dan penyelenggaraan landskap yang terbaik bagi mewujudkan persekitaran indah selaras dengan konsep ‘Bandar Dalam Taman’.
9. Melaksanakan program-program mesra rakyat untuk kesejahteraan penduduk Kuala Langat.

- 
10. Memastikan perkhidmatan perundangan dan penguatkuasaan undang - undang dijalankan secara adil dan berintegriti.
  11. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) dua kali sebulan
  12. Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan piawaian yang diterima umum.
  13. Menjaminkan layanan yang mesra dalam pengurusan pentadbiran yang berkualiti dan sentiasa prihatin terhadap masalah pelanggan
  14. Memastikan badan pengurusan mengurus dan menyenggara harta bersama dalam kawasan pemajuan berstrata dengan baik dan memuaskan selaras dengan peruntukan dalam Akta Pengurusan Strata 2013.
  15. Melaksanakan perkhidmatan perbandaran yang cekap dan berkualiti bagi mewujudkan persekitaran selesa, harmoni dan sejahtera
  16. Komited dalam memberikan perkhidmatan perolehan dan sebut harga berteraskan kepada pekeliling yang telah ditetapkan.
  17. Membangun, mentadbir dan mengurus Bandar Saujana Putra bagi pihak MPKL untuk menjadi bandar lestari, mampan bagi peningkatan kualiti hidup, memantapkan sumber hasil dan memperkasa tadbir urus MPKL
  18. Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi



# *Bab 2*

---

# **ANALISIS**

# ISU & CABARAN MENANGANI RASUAH

Isu rasuah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang, tanpa mengira status atau kedudukan individu yang memberi atau menerima rasuah. Tekanan ekonomi dan sosial membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika dalam pengurusan awam. Secara amnya, isu rasuah boleh dibahagi kepada tiga (3) bidang :

## 1.TADBIR URUS

- Peruntukan undang-undang (akta) yang lapuk / tidak lagi sesuai yang menjurus kepada kelemahan penguatkuasaan.
- Kelemahan pengurusan maklumat dan proses kerja yang tidak teratur.

## 2.KOMPETENSI

- Kelemahan dalam membuat keputusan berasaskan maklumat yang tepat dan betul .
- Kelewatan atau kelemahan dalam melaksanakan tugas dan tindakan yang ditetapkan menyebabkan penyampaian perkhidmatan tidak cekap.
- Penguatkuasaan yang lemah.

## 3.INTEGRITI

- Penyalahgunaan Kuasa Dalam Menjalankan Tugas.
- Kebocoran Maklumat Terperingkat.
- Wujud Ruang Dan Peluang Untuk Rasuah Dan Pelanggaran Integriti Semasa Pelaksanaan Tugas.
- Campur Tangan Pihak Yang Berkepentingan Dalam Proses Membuat Keputusan.

# KESAN-KESAN RASUAH KEPADA PENJAWAT AWAM DAN NEGARA

01

MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA MELALUI PEMBOCORAN MAKLUMAT TERPERINGKAT.

02

MEMBAHAYAKAN NYAWA AKIBAT PENGGUNAAN BAHAN BINAAN YANG KURANG BERKUALITI.

03

KETIDAKADILAN SOSIAL YANG BOLEH MEMBAWA KEPADA PENINDASAN DAN MENAFIKAN HAK KE ATAS GOLONGAN TERTENTU.

04

MENGAKIBATKAN KELEMAHAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG.

05

MEMPENGARUHI PELABURAN PERTUMBUHAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK).

# ANALISIS DATA

Sepanjang proses penilaian risiko, pelbagai data telah diperolehi dalam fasa pembangunan OACP MPKL bagi menentukan bidang – bidang yang perlu diberi tumpuan oleh MPKL. Data-data tersebut terbahagi kepada data dalaman dan data luaran. Data dalaman jabatan merangkumi aduan integriti MPKL, kes-kes tata tertib, Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN). Aduan SPRM dan penemuan Audit Dalam . Manakala data luaran terdiri daripada analisis persekitaran yang diperolehi daripada Pencapaian Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang dikeluarkan oleh Transparency International Malaysia (TI-M).



# DATA LUARAN

## SKOR INDEKS PERSEPSI RASUAH (CPI)

Tahun	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Skor	47	53	51	48	47	50
Kedudukan	61/180	51/180	57/180	62/180	61/180	57/180

Sumber : Transparency Index Malaysia (TI-M)

Skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia tahun 2022 yang dikeluarkan oleh Transparency International Malaysia (TI-M) terus merosot kepada 47 mata dalam kalangan 180 negara. Skor kedudukan Malaysia merosot ke satu anak tangga dari 48 mata pada 2021 ke 47 mata. Lebih rendah skor bermaksud lebih tinggi kes rasuah berlaku dan kedudukan skor 47 yang diterima oleh Malaysia sangat merisaukan.

Skor Malaysia menunjukkan penurunan dari tahun 2019. Penekanan YAB Perdana Menteri untuk mengamalkan tadbir urus baik, ketelusan, integriti dan prinsip tatakelola yang baik dalam memerangi rasuah serta berharap skor CPI Malaysia bertambah baik, harapan ini perlu diterjemahkan dalam tindakan yang boleh diukur untuk menghasilkan keputusan yang diinginkan.

# DATA DALAMAN

## STATISTIK ADUAN INTEGRITI MPKL

DARI TAHUN 2019 HINGGA TAHUN 2023




## **STATISTIK ADUAN SPRM TERHADAP MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**


TAHUN	MAKLUMAT	KERTAS SIASATAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	SABITAN
2019	0	0	0	0	0
2020	0	0	0	0	0
2021	1	1	1	1	0
2022	0	0	0	0	0
2023	0	0	0	0	0

UNIT INTEGRITI MPKL

## **DATA KES TATATERTIB UNIT INTEGRITI MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT DARI TAHUN 2019-2023**



## SISTEM PENGURUSAN AUDIT NILAI MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT



PERKARA	KEPUTUSAN (%)		
	2018	2019	2020
REKOD AMALAN NILAI (RAN)	86.38	81.65	
INDEKS IDEAL	72.95	89.65	
INDEKS PERIBADI	81.26	83.20	
INDEKS ORGANISASI	78.33	80.35	
MAKLUMBALAS PELANGGAN (MBP)	75.02	79.85	
INDEKS KOMPOSIT	78.78	82.94	PENDEMIK COVID 19

# PENEMUAN AUDIT SIRIM

TAHUN	QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS MS ISO 9001:2015		QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS (ABMS) MS ISO 37001:2016	
	NCR	OIFI	NCR	OIFI
2020	0	0	1	11
2021	0	13	0	14
2022	0	7	2	15
2023	0	4	1	6

Secara keseluruhannya, Majlis Perbandaran Kuala Langat telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dengan baik mengikut keperluan Standard MS ISO serta keperluan pelanggan dan organisasi.

Pencapaian Objektif Kualiti, Piagam Pelanggan dan Pengurusan Risiko dapat dipantau dan diukur untuk memastikan pencapaian sejajar dengan ketetapan organisasi.

Audit Pemantauan daripada SIRIM dari tahun 2020 hingga 2023 telah menemukan penemuan bagi QMS MS ISO 9001:2015 sebanyak 24 pemerhatian (OIFI), untuk ABMS MS ISO 37001:2016 pula menemukan penemuan 4 ketidakpatuhan (NCR) dan 46 pemerhatian (OIFI), yang telah direkodkan untuk diambil tindakan, bertujuan untuk penambahbaikan dan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti Organisasi.

# *Bidang Keutamaan Berisiko*

## PENTADBIRAN

01

Sektor awam merangkumi pengurusan hal ehwal pentadbiran di bawah kawalan Kerajaan. Penyampaian MPKL dilihat sebagai faktor penting yang mencerminkan imej negara. Asas bagi sektor pentadbiran awam terletak pada fungsi teras Kerajaan untuk memastikan bahawa masyarakat menikmati hak mereka melalui penyampaian perkhidmatan yang disediakan, hasil dasar dan nilai cukai.

02

## PELESENAN

Pelesenan merujuk kepada perkhidmatan yang diberikan oleh MPKL dalam mengeluarkan permit ataupun lesen bagi tujuan membernarkan sesuatu operasi perniagaan, projek, perkhidmatan atau aktiviti diadakan dalam kawasan pentadbiran Majlis. Ianya haruslah memenuhi syarat, polisi dan peraturan Majlis agar dapat mempertingkatkan ketelusan serta kecekapan MPKL.

03

## PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Penguatkuasaan merujuk kepada sistem yang telah disusun untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap mereka yang melanggar peraturan dan norma-norma yang mengawal masyarakat. MPKL amat komited dalam mengenal pasti penyelesaian dan melaksanakan tindakan untuk mengurangkan kadar pelanggaran demi kesejahteraan rakyat. Kebanyakan isu penguatkuasaan melibatkan penyalahgunaan kuasa, campur tangan pihak luar, kurang kebebasan dan integriti dalam pentadbiran yang cenderung kepada rasuah.

04

## PEROLEHAN AWAM

Perolehan merujuk kepada pembelian barang, perkhidmatan dan kerja oleh MPKL. MPKL perlu melaksanakan kerja dengan cekap agar kepentingan MPKL dan awam dilindungi. Perolehan adalah salah satu bidang dalam Kerajaan yang paling terdedah kepada rasuah dan pelbagai kegiatan haram.

05

## KEWANGAN

Pengurusan kewangan merujuk kepada proses perancangan, pengagihan dan pengurusan tenaga manusia, modal (wang tunai), barang (aset) dan perolehan untuk memenuhi matlamat sesuatu organisasi. MPKL amat komited dalam menguruskan kewangan dengan cekap dan teratur dalam menguruskan pelbagai sumber yang terhad seperti tenaga manusia, wang, bahan-bahan mentah dan metodologi.

# *Bab 3*

---

## KERANGKA OACP

# **VISI, MISI DAN MATLAMAT OACP MPKL**

## **VISI**

**MEMBENTUK WARGA KERJA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT  
YANG MEMBUDAYAKAN INTEGRITI DAN BEBAS RASUAH**

## **MISI**

**MEMANTAPKAN TADBIR URUS DAN MENINGKATKAN TAHAP  
KESEDARAN INTEGRITI MENERUSI PELAKSANAAN OACP  
MELALUI PEMATHUAN TERHADAP ARAHAN DAN PERATURAN  
YANG BERKUATKUASA**

## **MATLAMAT**

**KOMITMEN YANG TINGGI SERTA MEMBUDAYAKAN INTEGRITI DAN  
PROFESIONALISME DALAM PERKHIDMATAN KEPADA  
MASYARAKAT**

# KERANGKA UTAMA OACP MPKL

## PELAN TINDAKAN PELAN ANTI-RASUAH ORGANISASI OACP MPKL



# **BIDANG / KEUTAMAAN OACP MPKL**

**~ PENTADBIRAN**

**~ PELESENAN**

**~ PENGUATKUASAAN  
UNDANG-UNDANG**

**~ PEROLEHAN**

**~ KEWANGAN**

# **PELAN TINDAKAN OACP MPKL**

## **BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN**

# BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN

## STRATEGI 1 : MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN TADBIR URUS

OBJEKTIF STRATEGI 1.1 : MEMPERTINGKATKAN AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN PENGAMBILAN KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	STATUS PENCAPAIAN JAN - JUN 2024 (SILA JELASKAN SECARA RINGKAS STATUS PENCAPAIAN)	CATATAN
	1.	PROSES PENGAMBILAN KAKITANGAN DAN KENAIKAN PANGKAT MENGIKUT PROSEDUR SEDIA ADA	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	2024 - 2028		
	2.	IKRAR, EVETTING, UJIAN KECERGASAN, UJIAN BERTULIS /AMALI	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	2024 - 2028		

# BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN

## STRATEGI 1 : MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN TADBIR URUS

OBJEKTIF STRATEGI 1.2 : MEMPERKASAKAN AKAUNTABILITI DALAM PROSES AUDITAN	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	STATUS PENCAPAIAN JAN - JUN 2024 (SILA JELASKAN SECARA RINGKAS STATUS PENCAPAIAN)	CATATAN
	1.	MENJALANKAN PENGAUDITAN SECARA BERKUMPULAN	UNIT AUDIT DALAM	2024 - 2028		
	2.	PENGESAHAN OLEH 2 ATAU 3 ORANG PEGAWAI	UNIT AUDIT DALAM	2024 - 2028		

# BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN

## STRATEGI 1 : MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN TADBIR URUS

OBJEKTIF STRATEGI 1.3 : MEMPERKASAKAN KAWALAN PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	STATUS PENCAPAIAN JAN - JUN 2024 (SILA JELASKAN SECARA RINGKAS STATUS PENCAPAIAN)	CATATAN
	1.	PENYEMAIAN DASAR KESELAMATAN ICT	JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	2024 - 2028		
	2.	KAWALAN AKSES KEPADA SISTEM	JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	2024 - 2028		

# BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN

## STRATEGI 1 : MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN TADBIR URUS

OBJEKTIF STRATEGI 1.4 : MEMANTAPKAN DAN MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN ADUAN	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	STATUS PENCAPAIAN JAN - JUN 2024 (SILA JELASKAN SECARA RINGKAS STATUS PENCAPAIAN)	CATATAN
	1.	MENGADAKAN MESYUARAT ADUAN PADA SETIAP HARI KHAMIS (52 KALI SETAHUN)	JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	2024 - 2028		
	2.	MEMASTIKAN SETIAP ADUAN DITERIMA DAPAT DISELESAIKAN DALAM MASA 14 HARI ( KECUALI URUSAN BERKAITAN TEKNIKAL)	JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	2024 - 2028		

# BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN

## STRATEGI 1 : MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN TADBIR URUS

OBJEKTIF STRATEGI 1.5 : MEMPERKUHKAN PENGURUSAN MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP)	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	STATUS PENCAPAIAN JAN - JUN 2024 (SILA JELASKAN SECARA RINGKAS STATUS PENCAPAIAN)	
					CATATAN	
1.	PENERANGAN KEPADA AHLI MAJLIS TENTANG GARIS PANDUAN YANG SEDIA ADA	JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	2024 - 2028			
	PEMANTAUAN PROGRAM MPP DENGAN LEBIH KERAP	JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	2024 - 2028			
	MEMBUAT SEMAKAN DAN MENOLAK PERMOHONAN YANG TIDAK MEMATUHI PROSEDUR	JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	2024 - 2028			

# **PELAN TINDAKAN OACP MPKL**

## **BIDANG KEUTAMAAN : PELESENAN**

# BIDANG KEUTAMAAN : PELESENAN

## STRATEGI 2 : MEMPERKASAKAN KETELUSAN DALAM PENGURUSAN PERLESENAN

OBJEKTIF STRATEGI 2.1 : MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN DAN KETELUSAN DALAM PROSES PENGETAHUAN LESEN	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	STATUS PENCAPAIAN JAN - JUN 2024 (SILA JELASKAN SECARA RINGKAS STATUS PENCAPAIAN)	CATATAN
	1.	PENGILIRAN KERJA DI KALANGAN KAKITANGAN MENGIKUT ZON KAWASAN	JABATAN PERLESENAN	2024 - 2028		
	2.	MEMBERI LATIHAN DAN TAKLIMAT KEPADA KAKITANGAN BERKAITAN PROSES KERJA DAN TUGAS PEGAWAI	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	2024 - 2028		
	3.	PELAKSANAAN SISTEM E-LESEN YANG MEMPUNYAI CIRI "HEAT MAP" DI MANA SISTEM DAPAT MENANDAKAN LOKASI YANG MEMPUNYAI LESEN DAN SETERUSNYA DAPAT MEMBANTU PEMANTAUAN PREMIS TIDAK BERLESEN	JABATAN PERLESENAN	2024 - 2028		
	4.	MELAKSANAKAN PENYELENGARAAN SISTEM SECARA BERKALA SELAIN MEMBUAT PENAMBAHAN TERHADAP SISTEM DESIGN DARI MASA KE SEMASA	JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	2024 - 2028		
	5.	MELAKSANAKAN PENYELENGARAAN SISTEM SECUKUPNYA SELAIN MEMPERKETAKTAKAN KAWALAN KESELAMATAN SISTEM YANG MERANGKUM HAD AKSES KEPADA SISTEM	JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	2024 - 2028		

# **PELAN TINDAKAN OACP MPKL**

**BIDANG KEUTAMAAN :  
PENGUATKUASAAN  
UNDANG-UNDANG**

# BIDANG KEUTAMAAN : PENGUATKUASAAN

## STRATEGI 3 : MEMPERTINGKATKAN INTEGRITI DAN KREDIBILITI DALAM PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

OBJEKTIF STRATEGI 3.1 : MEMPERTINGKATKAN KREDIBILITI DAN INTEGRITI TINDAKAN PENGUATKUASAAN	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	STATUS PENCAPAIAN JAN - JUN 2024 (SILA JELASKAN SECARA RINGKAS STATUS PENCAPAIAN)	CATATAN
	1.	PERTUKARAN ZON DAN UNIT DIKAWASAN KAWALAN ATAU SELIAN PADA SETIAP TAHUN UNTUK MENGGELAKKAN KETIRISAN DAN SALAH GUNA KUASA	JABATAN PENGUATKUASAAN	2024 - 2028		
	2.	SETIAP PENGELOUARAN BARANG SITAAN PENYELIAN STOR AKAN MEMASTIKAN BORANG PELEPASAN BARANG SITAAN DI TANDATANGANI OLEH PEGAWAI	JABATAN PENGUATKUASAAN	2024 - 2028		

# BIDANG KEUTAMAAN : PENGUATKUASAAN

## STRATEGI 3 : MEMPERTINGKATKAN INTEGRITI DAN KREDIBILITI DALAM PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

OBJEKTIF STRATEGI 3.2 : MENINGKATKAN TAHAP KECEKAPAN DAN KETELUSAN DALAM PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	STATUS PENCAPAIAN JAN - JUN 2024 (SILA JELASKAN SECARA RINGKAS STATUS PENCAPAIAN)	CATATAN
1. KUASA PENETAPAN KADAR KOMPAUN DARIPADA DATO' YDP, SETIAUSAHA DAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG.	1.	KUASA PENETAPAN KADAR KOMPAUN DARIPADA DATO' YDP, SETIAUSAHA DAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG.	UNIT UNDANG - UNDANG	2024 - 2028		
	2.	LAPORAN KES MAHKAMAH DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT	UNIT UNDANG - UNDANG	2024 - 2028		

# BIDANG KEUTAMAAN : PENGUATKUASAAN

## STRATEGI 3 : MEMPERTINGKATKAN INTEGRITI DAN KREDIBILITI DALAM PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN

OBJEKTIF STRATEGI 3.3 :	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	STATUS PENCAPAIAN JAN - JUN 2024 (SILA JELASKAN SECARA RINGKAS STATUS PENCAPAIAN)	CATATAN
MENINGKATKAN KECEKAPAN DALAM PROSES PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN	1.	MENERIMA PERMOHONAN PELAN-PELAN PEMBANGUNAN YANG MEMATUHI MANUAL PROSEDUR UTAMA JABATAN DAN SENARAI SEMAK SERTA KEPERLUAN PERINCIAN PELAN	- UNIT PUSAT SETEMPAT - JABATAN KEJURUTERAAN - JABATAN KAWALAN BANGUNAN - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	2024 - 2026		

# BIDANG KEUTAMAAN : PENGUATKUASAAN

## STRATEGI 3 : MEMPERTINGKATKAN INTEGRITI DAN KREDIBILITI DALAM PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN

OBJEKTIF STRATEGI 3.4 : MENINGKATKAN KETELUSAN DALAM PENGURUSAN JADUAL PETAK	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	STATUS PENCAPAIAN JAN - JUN 2024 (SILA JELASKAN SECARA RINGKAS STATUS PENCAPAIAN)	CATATAN
	1.	MENGGUNAKAN SENARAI SEMAK PEMFAILAN JADUAL PETAK	UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN	2024 - 2026		
	2.	PROSES PERMOHONAN JADUAL PETAK MENGIKUT PROSEDUR YANG TELAH DITETAPKAN	UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN	2024 - 2028		

# **PELAN TINDAKAN OACP MPKL**

## **BIDANG KEUTAMAAN : PEROLEHAN**

# BIDANG KEUTAMAAN : PEROLEHAN

## STRATEGI 4 : MEMPERTINGKATKAN AKAUNTABILITI DAN KETELUSAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN

OBJEKTIF STRATEGI 4.1 : MEMPERTINGKATKAN AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	STATUS PENCAPAIAN JAN - JUN 2024 (SILA JELASKAN SECARA RINGKAS STATUS PENCAPAIAN)	CATATAN
1.	1.	MEMBUAT SEMAKAN SILANG DENGAN AGENSI BERKAITAN SEPERTI CIDB/ INSTITUSI KEWANGAN	UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN	2024 - 2028		
	2.	MEWUJUDKAN SISTEM E PEMBEKAL SEBAGAI SISTEM UNTUK PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PEMBEKAL DI MPKL	JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	2024 - 2028		
	3.	SILANG KERJA – IAITU PEGAWAI PEMERIKSA TAPAK UJIAN ADALAH BERBEZA DARIPADA PEGAWAI PENGUASA PROJEK	JABATAN KEJURUTERAAN	2024 - 2028		
	4.	MESYUARAT PEMANTAUAN PROJEK SECARA BERKALA	JABATAN LANDSKAP	2024 - 2026		
	5.	PEMANTAUAN MELALUI SISTEM E-SITE VIEW	JABATAN LANDSKAP	2024		
	6.	PENGILIRAN ZON KERJA DIKALANGAN KAKITANGAN	JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN	2024 - 2025		

# BIDANG KEUTAMAAN : PEROLEHAN

## STRATEGI 4 : MEMPERTINGKATKAN AKAUNTABILITI DAN KETELUSAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN

OBJEKTIF STRATEGI 4.2 : MENINGKATKAN AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN ASET	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	STATUS PENCAPAIAN JAN - JUN 2024 (SILA JELASKAN SECARA RINGKAS STATUS PENCAPAIAN)	CATATAN
1.	MELAKSANAKAN PEMERIKSAAN ASET DAN STOR	UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN	2024 - 2028			

# **PELAN TINDAKAN OACP MPKL**

## **BIDANG KEUTAMAAN : KEWANGAN**

# BIDANG KEUTAMAAN : KEWANGAN

## STRATEGI 5 : MENINGKATKAN INTEGRITI DAN MEMPERKUKUHKAN KREDIBILITI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN

OBJEKTIF STRATEGI 5.1 : MEMPERKASAKAN DAN MEMPERTINGKATKAN AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	STATUS PENCAPAIAN JAN - JUN 2024 (SILA JELASKAN SECARA RINGKAS STATUS PENCAPAIAN)	CATATAN
5.1 : MEMPERKASAKAN DAN MEMPERTINGKATKAN AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN	1.	MEWAJIBKAN KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN SECARA BERTERUSAN KEPADA PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB	JABATAN PERBENDAHARAAN / CAWANGAN BSP	2024 - 2028		
	2.	MEMBUAT PUSINGAN KERJA SECARA PENTADBIRAN (PEGAWAI/ KAKITANGAN YANG MENGURUSKAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN)	JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN / SEMUA YANG TERLIBAT	2024 - 2028		
	3.	PENGAUDITAN SECARA BERKALA / PEMERIKSAAN MENGEJUT BERDASARKAN ARAHAN PENGURUSAN TERTINGGI	UNIT AUDIT DALAM	2024 - 2026		

# BIDANG KEUTAMAAN : KEWANGAN

## STRATEGI 5 : MENINGKATKAN INTEGRITI DAN MEMPERKUKUHKAN KREDIBILITI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN

OBJEKTIF STRATEGI 5.2 : MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KETELUSAN DALAM PENGURUSAN PENILAIAN HARTA	BIL	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN	STATUS PENCAPAIAN JAN - JUN 2024 (SILA JELASKAN SECARA RINGKAS STATUS PENCAPAIAN)	CATATAN
	1.	PENGESAHAN ATAU KELULUSAN SENARAI NILAIAN BAGI HARTA BARU DAN PINDAAN HARTA SEDIADA MELALUI MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	2024 - 2028		
	2.	PENGESAHAN ATAU KELULUSAN PENILAIAN MELALUI MESYUARAT PENENTUAN CAJ PEMAJUAN	JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	2024 - 2028		

# *Bab 4*

---

## PELAKSANAAN & PEMANTAUAN

# MEKANISME OACP

## MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

OACP hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama di antara pihak pengurusan tertinggi MPKL dan kakitangan MPKL untuk memastikan inisiatif antirasuah dilaksanakan secara cekap dan sistematik. Oleh yang demikian, pengurusan tertinggi MPKL hendaklah memastikan kebolehlaksanaan OACP di jabatan/unit dengan tindakan berikut:-

1	MEMANTAU DAN MENILAI PENCAPAIAN OACP
2	MEMASTIKAN SETIAP PELAN TINDAKAN DILAKSANAKAN MENGIKUT TEMPOH YANG DITETAPKAN
3	MEMBENTANGKAN LAPORAN PENCAPAIAN OACP DALAM MESYUARAT JAWANKUASA PEMATUHAN INTEGRITI DAN MESYURAT PENGURUSAN MPKL
4	MENGHANTAR LAPORAN PENCAPAIAN OACP KEPADA JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) NEGERI

# MEKANISME OACP

## JAWATANKUASA PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Bagi memastikan setiap anggota di Pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Langat memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing, strategi dan pelan tindakan di dalam pelan ini akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut jadual perancangan. Penilaian pencapaian Pelan Antirasuah Majlis Perbandaran Kuala Langat ini akan dijalankan pada setiap tahun dan kajian keberkesanan akan dibuat untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan strategi, program dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Bagi memastikan kebolehlaksanaan OACP di jabatan/unit diperkuuhkan dengan tindakan berikut:-

STRATEGI	MATLAMAT
MEMANTAU DAN MENILAI PENCAPAIAN OACP	Mengemaskini dan memantau inisiatif yang di laksanakan di jabatan dan unit setiap enam (6) bulan
MEMASTIKAN SETIAP PELAN TINDAKAN DILAKSANAKAN MENGIKUT TEMPOH YANG DITETAPKAN	Jabatan dan unit membuat laporan ringkas untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pematuhan Integriti
MEMBENTANGKAN LAPORAN PENCAPAIAN OACP DALAM MESYUARAT JAWANKUASA PEMATUHAN INTEGRITI DAN MESYURAT PENGURUSAN MPKL	Menyuarat akan diadakan 2 kali setahun
MENGHANTAR LAPORAN PENCAPAIAN OACP KEPADA JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) NEGERI	Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) dibuat 3 kali

# KESIMPULAN

Pelan Antirasuah Majlis Perbandaran Kuala Langat merupakan satu pelan yang dirangka untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan dan tanggungjawab seluruh warga Majlis Perbandaran Kuala Langat dalam membantera rasuah. Pelan Antirasuah ini adalah selaras dengan aspirasi negara yang memperkenalkan Pelan Antirasuah Nasional.

Pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Langat merangka pelan ini untuk penambahbaikan pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar matlamat yang disasarkan terlaksana. Kajian semula Pelan Antirasuah Majlis Perbandaran Kuala Langat akan dilaksanakan setiap tahun.

Tambahan lagi, dengan terhasilnya Pelan Antirasuah ini juga dapat meningkatkan etika kerja serta nilai-nilai murni dalam menjalankan tugas-tugas sehari-hari. Sehubungan dengan itu, Pelan Antirasuah ini juga merupakan sebuah strategi yang bersifat dinamik dan boleh dilaksanakan untuk mendapatkan perkhidmatan yang berkualiti dalam setiap tenaga kerja Majlis Perbandaran Kuala Langat.

Sebagai kesimpulannya, Pelan Antirasuah ini diharapkan dapat meningkatkan moral dan etika setiap anggota pentadbiran bagi mewujudkan satu budaya organisasi yang cemerlang dan penuh integriti dalam menjalankan tugas sehari-hari malah dapat meningkatkan kualiti hidup.

# Catatan





# 4 KESALAHAN UTAMA RASUAH !!

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah  
Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) (Akta 694)

- 
- 1 Meminta atau menerima rasuah
  - 2 Membuat tuntutan palsu
  - 3 Menawarkan atau memberi rasuah
  - 4 Menggunakan kedudukan atau jawatan untuk suapan

JIKA DISABITKAN KESALAHAN  
DIPENJARA TIDAK MELEBIHI 20 TAHUN  
DAN DENDA TIDAK KURANG 5 KALI  
NILAI SUAPAN ATAU RM 10,000  
MANA YANG LEBIH TINGGI.

JAUHI PERKARA-PERKARA YANG  
BOLEH MENJEJASKAN INTEGRITI  
ANDA SEBAGAI PEKERJA



**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT,  
PERSIARAN MAJLIS OFF JALAN SULTAN ALAM SHAH,  
42700 BANTING, KUALA LANGAT,  
SELANGOR DARUL EHSAN.**

**NO.TEL : 03-3853 0303 / 03-3187 2732 / 8957 / 1743**

**NO.FAKS : 03-3187 9304**